



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## **PENJELASAN MENGENAI PERMINTAAN UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT DARIPADA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memberikan penjelasan mengenai e-mel daripada sebuah sekolah antarabangsa, yang sedang tular di media sosial dan ditujukan kepada ibu bapa pelajar sekolah berkenaan.

LHDNM dengan ini mengesahkan bahawa surat yang dimaksudkan dalam e-mel berkenaan sememangnya dihantar kepada pihak pengurusan beberapa buah sekolah antarabangsa yang mengkehendaki mereka mengemukakan maklumat yang relevan kepada LHDNM.

Permintaan maklumat tersebut adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 80 dan Seksyen 81 Akta Cukai Pendapatan 1967.

lanya merupakan prosedur rutin yang dilaksanakan oleh LHDNM bagi tujuan mempromosikan pematuhan cukai secara sukarela, mengurangkan risiko ketirisan cukai dan memastikan sistem percukaian sentiasa dipelihara.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873

Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 19 April 2018**